



FULL GOSPEL BUSINESS MEN'S FELLOWSHIP  
INTERNATIONAL MALAYSIA

MALAYSIAN

# VOICE

Penerbitan Kristian | Edisi 25

*Kemudian mereka berseru kepada Tuhan dalam kesusahan mereka,  
dan Dia membawa mereka keluar daripada segala keazaban mereka.  
Dia menenangkan ribut; maka laut tidak bergelora lagi.  
Maka mereka bersukacita kerana telah tenang,  
lalu Dia memandu mereka ke tempat berteduh yang diingini mereka.*

*(Mazmur 107:28-30. Alkitab Versi Borneo)*



## SIAPA KAMI

Full Gospel Business Men's Fellowship International ditubuhkan pada 1952 oleh mendiang Demos Shakarian untuk menjangkau orang demi Yesus. Setahun kemudian, Tuhan memberinya penglihatan orang-orang di setiap benua, mendedahkan bahawa Pelayanan Persekutuan akan menyebabkan orang-orang di mana-mana dibawa kepada Yesus dan dikaitkan dalam mencintai masyarakat.

Penglihatan itu menjadi kenyataan sehingga hari ini seratus tiga puluh dua Negara telah disentuh melalui Pelayanan Persekutuan dan melepas sekatan denominasi, kaum dan budaya.

## PENYATAAN MISI

- 1. Untuk menjangkau manusia di mana saja demi Tuhan Yesus.**
- 2. Memanggil manusia kembali kepada Tuhan.**
- 3. Untuk melatih dan mempersiapkan manusia demi memenuhi Amanat Agung.**
- 4. Untuk membantu orang percaya dibaptis oleh Roh Kudus dan bertumbuh secara rohani.**
- 5. Untuk menyediakan peluang kepada Persekutuan Kristian.**
- 6. Untuk mewujudkan perpaduan yang lebih erat di antara semua orang dalam tubuh Kristus.**

## ISI KANDUNGAN

|  | MUKA SURAT |
|--|------------|
| 1. GIGITAN MUJIZAT<br>- SDR. RENTAP ANAK ELIVEAS SLI       | 4          |
| 2. KUASA FIRMAN<br>- SDR. DOUGLAS ANAK JANTING             | 7          |
| 3. PERTOBATAN ABADI<br>- PASTOR WILLIAM LEO                | 9          |
| 4. IKATAN YANG TERLERAI<br>- SDR. JAMES ANAK NGEMAN        | 12         |
| 5. PERTOBATAN MEMBAWA KESEMBUHAN<br>- SDR. AMBOK ANAK LUAT | 14         |
| 6. SELAMANYA YESUS<br>- SDR. DUIN ANAK TAWAN               | 16         |
| 7. KUASA DOA<br>- PN. MARY ANAK CHUKONG                    | 18         |

FULL GOSPEL BUSINESS MEN'S FELLOWSHIP  
INTERNATIONAL MALAYSIA

NATIONAL OFFICE:  
Suite 3A12, Block A Kelana Square, No. 17 Jalan SS 7/26,  
47301 Petaling Jaya.

Tel: 03 – 7805 7185 / 03 - 7805 7186  
Fax: 03 – 7805 7187

Email: admin@fgb.com.my  
Website: www.fgb.com.my



# GIGITAN MUJIZAT



Shalom!

Terima kasih di atas kesempatan yang Tuhan berikan untuk berkongsi kesaksian menarik yang dilalui oleh salah seorang jemaat gereja BEM Pekan Dap yang bernama Rentap anak Eliveas Sli. Beliau baru mula mengenal Tuhan Yesus secara peribadi pada 31/12/2019.

Pada mulanya begitu susah untuk menjangkau pemuda ini kerana dia sibuk dengan tugasnya sebagai seorang



**SDR. RENTAP ANAK ELIVEAS SLI – (BEM Pekan Dap)**

pengawal keselamatan. Namun, setelah sering dilawati dan didekati, serta mendengar cerita kebaikan Tuhan yang diceritakan kepada beliau, akhirnya beliau mulai tertarik untuk mengetahui siapakah Tuhan Yesus yang sebenarnya dan apakah tujuan-Nya datang ke dunia ini. Ketika kami pergi ke rumah-rumah panjang, beliau selalu mengikut. Perjalanan menginjil ini banyak membantunya mempraktikkan

dan menguatkan iman. Selain itu, bakat bermain musik menjadikannya lebih bersemangat untuk beribadah dengan anggota jemaat. Beliau melakukannya dengan pengalaman yang ada.

Pada tanggal 03/03/2020 jam pukul 12.00 tengah malam, ketika sedang bertugas sebagai pengawal keselamatan di SMK Nanga DAP, Kanowit. Beliau ternampak seekor binatang yang dipanggil "Bengkang" (kongkang/slow loris) dalam bahasa Iban. Binatang tersebut hadir mengikut musim dan beracun di bahagian giginya. Keinginannya untuk melihat binatang tersebut dengan lebih dekat membuat beliau tergerak hati hendak menangkapnya. Tanpa memikirkan keselamatan diri, beliau dengan berani menangkap binatang liar tersebut. Tangan beliau telah digigit ketika binatang itu cuba untuk meloloskan diri. Pada jam 1.30 pagi, dia terbangun dari tidur dan merasakan lidahnya kaku, serta

badannya terasa kebas. Dia terus meminta tolong teman sekerjanya. Dia dikejarkan ke hospital yang berdekatan. Sewaktu dalam perjalanan ke hospital, dia berdoa dalam hatinya walaupun dia belum pandai berdoa. Setelah beliau berdoa, dia dapat merasakan ada kelegaan yang nenghairankannya, lalu dia berkata, "Tuhan yang menolong saya."

Syukur kepada Tuhan sebab Tuhan menyatakan kuasa-Nya kepada saudara Rentap. Ketika sampai di hospital, dia terus mendapat rawatan segera, dan ditahan disitu selama dua hari. Kami sempat mengunjunginya dan berdoa sehingga keadaannya beransur pulih pada masa itu. Tuhan mendengar doa anak-Nya dengan tujuan supaya mukjizat dinyatakan di tengah-tengah kehidupan kami pada masa itu. Syukur pada Bapa di Syurga kerana telah memberi kesempatan kepada Rentap untuk disembuhkan dari bahaya maut. Selepas

discaj dari hospital, beliau ada keinignan untuk mengenali Tuhan dengan lebih mendalam serta mempercayai Tuhan dan kuasa-Nya. Itulah yang memberikan beliau keinginan untuk mendirikan sebuah gereja. Dengan kesepakatan kami memberitahu ketua kampung untuk mendapatkan sebuah rumah agar dapat dijadikan sebagai gereja tempat beribadat.

Hasil perbincangan bersama ketua kampung tersebut, kami diberi sebuah rumah untuk dijadikan gereja. Yang lebih menakjubkan lagi ialah ketua kampung tersebut seorang yang belum mengenal Tuhan tetapi mempunyai niat yang baik dan beliau membenarkan anak cucunya mengikuti kebaktian agar mereka mengenal Tuhan dan kehidupan mereka berubah.

Gereja tersebut telah digunakan hingga ke hari ini tanpa membayar satu sen pun kepada pihak ketua kampung. Puji Tuhan, kerana kasih karunia-Nya dan kuasa-Nya kepada mereka yang masih

hidup di dalam kegelapan. Rentap anak Eliveas Sli dilantik menjadi ketua pelayan atau pemimpin di gereja itu dan diberikan kepercayaan penuh untuk menjaga gereja tersebut.

Doakan gereja ini ... supaya pekerjaan Tuhan terus dinyatakan melalui mukjizat-mukjizat dan agar kawasan ini di manangkan untuk Tuhan Yesus. Segala kemuliaan hanya kepada Tuhan kita Yesus Kristus.

Sekian, Tuhan Yesus memberkati.

## KUASA FIRMAN



**SDR. DOUGLAS ANAK JANTING – (BEM Entulang, Bakong)**

Saudara Douglas dan keluarga adalah berasal dari kampung Entulang, Bakong, Miri. Sebelum menjadi orang Kristian, dia seorang yang bepegang kuat kepada kepercayaan lama (Pagan). Dia percaya kepada burung (ovenbirds), mimpi, pantang larang dan sebagainya. Semasa Gawai Dayak mereka sekeluarga akan memberi korban persembahan (upacara miring) kepada dewa-dewa menurut kepercayaan suku kaum Iban iaitu dewa yang bernama keling, bungai nuing, kumang, sempurai. Suku kaum Dayak Iban sangat memuja nama tuhan-tuhan ini terutama musim perayaan Hari Gawai Dayak. Mereka yang belum menjadi Kristian akan memberi pujaan sebagai tanda hormat dan korban sembelihan daripada darah ayam atau babi semasa perayaan Gawai Dayak. Inilah yang diamalkan oleh Saudara Douglas sebelum mengenal Yesus.

Pada tahun 2016 Saudara Douglas anak Janting mengalami masalah jantung.

Pada mulanya dia menggunakan kepakaran bomoh untuk menyembuhkannya, namun tidak juga sembah. Dalam keadaan terdesak semasa dia dirawat di Hospital Jantung, Kuching, dia terbuka hati untuk menyerahkan hidupnya kepada Tuhan Yesus. Semasa dia menjalani pembedahan jantung di hospital, dia berdoa meminta penyertaan dan kesembuhan daripada Tuhan. Puji Tuhan, kerana campurtangan Tuhan saudara Douglas telah disembuhkan secara fizikal dan yang paling berharga sekali, dia dan seisi rumahnya telah dilepaskan daripada kuasa dosa dan ikatan roh jahat. Mulai dari saat itu, dia bertekad untuk melayani Tuhan kerana kasih karuniaNya telah melepaskan dia dari maut.

Menjadi orang Kristian di kalangan suku kaum Iban memang sukar kerana penduduk kampung tidak suka melihat perubahan mereka. Perubahan yang ketara adalah mereka tidak lagi menyembah dewa terutamanya pada musim Gawai Dayak. Selepas menjadi

Kristian, saudara Douglas tidak lagi berkumpul bersama rakan sekampung untuk minum minuman keras serta mabuk. Walaubagaimanapun dia masih belum dilepaskan sepenuhnya daripada rasa takut tentang pantang larang yang telah diamalkan sejak kecil. Puji Tuhan, dengan kuasa Firman Tuhan yang hidup didalam dirinya dia beransuransur memecahkan pemikiran yang takut terhadap pantang larang dan daripada kuasa iblis yang selalu mengganggu fikirannya. Sekarang saudara Douglas sekeluarga hidup dengan aman dan bersuka-cita di dalam kasih Tuhan Yesus. Yang lebih membanggakan, salah seseorang anak perempuannya yang bernama Geneve ak Douglas dipanggil untuk melayani sepenuh masa di Gereja Metro Tabernacle AOG, Batu Cave, di Semenanjung Malaysia.

Sekian, terima kasih dan Tuhan Yesus memberkati.

# PERTOBATAN ABADI

PASTOR WILLIAM LEO – (BEM Kuching - Samarahen)



Saya Pastor William Leo ingin berkongsi satu penerobosan kuasa Tuhan di rumah panjang isteri saya pada awal bulan Mac 2020, iaitu rumah panjang Tanjung Awik, Saratok. Berikut adalah sedikit latar belakang tentang rumah panjang isteri

saya. Saya telah berkahwin dengan isteri sejak tahun 1976. Rumah panjang isteri saya terdiri daripada 23 buah keluarga. Tetapi hanya 4 buah keluarga termasuk keluarga isteri saya yang telah menjadi Kristian, dan

19 keluarga yang lain masih memegang kepercayaan lama (Pagan). Pada awal tahun 80an, seorang hamba Tuhan bernama George Pandong pernah datang menginjil ke rumah panjang kami. Dia pernah mendapat penglihatan yang rumah panjang ini dijaga oleh seekor binatang ganas (Black Panther). Dia merasakan ada benteng kuasa kegelapan menghalang firman Tuhan untuk diberitakan di rumah panjang ini. Memang benar dimana seorang penghuni rumah panjang ini sangat menentang ajaran umat Kristian dibawa masuk ke rumah panjang ini.

Sebenarnya, banyak usaha penginjilan dibuat di sini, namun mereka tetap tidak mahu menerima Yesus. Pada penghujung Tahun 80an., rumah panjang kami telah dimasuki seekor burung daripada pintu bilik pertama dan terus terbang sepanjang ruai (ruang tamu) melalui kesemua 23 bilik rumah dan keluar di pintu pengujung

rumah. Menurut kepercayaan asal kaum Iban, kejadian ini memberi petanda yang tidak baik kepada komuniti rumah panjang kami. Maka dengan itu, dalam ketakutan, majoriti keluarga bersetuju untuk melarikan diri dan bermalam di tempat lain supaya tidak ditimpah malapetaka. Setiap keluarga membawa barang keperluan masing-masing untuk bermalam di sekolah SK Lubuk Kepayang yang terletak diseberang sungai. Tetapi bagi 4 buah keluarga orang Kristian, termasuk keluarga ipar saya dalam rumah panjang itu, tetap tidak berganjak untuk melarikan diri. Pada malam tersebut, 19 keluarga yang bermalam di sekolah tersebut mendengar bunyi suara yang menakutkan datang dari rumah panjang tersebut. Mereka fikir pasti malapetaka telah menimpa keluarga yang masih tinggal dirumah panjang. Sebaliknya, perlindungan Tuhan bersama dengan keluarga yang percaya. Keesokan harinya, seperti biasa tiada perkara buruk

terjadi, malah mereka keluar masuk rumah melakukan tugas harian. Mereka merasa hairan, dan ini satu mukjizat yang sangat luar biasa. Namun demikian, keluarga yang ketakutan tadi masih berdegil untuk tidak percaya kepada perlindungan Tuhan.

Sejak sekian lama, akhirnya pada awal bulan Mac 2020, sewaktu saya balik ke kampung menziarahi keluarga kakak ipar saya yang meninggal dunia. Saya diberi peluang untuk berkongsi firman Tuhan pada Kebaktian Penghiburan (Capital letter because it referring to "kata peristiwa", referring to something is happening). Roh Kudus mengerakkan hati saya untuk membuat panggilan Doa Pertaubatan (sinner's prayer). Puji Tuhan, sebanyak 80% yang hadir bangkit menyerahkan kehidupan mereka untuk menerima Yesus sebagai Tuhan dan Juruselamat mereka. Malah pada malam itu, seorang penghuni yang hidupnya sentiasa dalam

ketakutan terhadap roh jahat, telah melihat kebenaran dan kuasa dalam perkongsian Firman Tuhan pada malam itu. Dia minta didoakan secara peribadi untuk Doa Pertaubatan dan pelepasan dari ikatan roh ketakutan. Puji dan mulialah nama Tuhan di atas mukjizat yang luar biasa terjadi di rumah panjang isteri saya.

Matthew 16:18, Akupun berkata kepadamu: Engkau adalah Petrus dan di atas batu karang ini Aku akan mendirikan jemaat-Ku dan alam maut tidak akan menguasainya.

Sekian, terima kasih dan Tuhan Yesus memberkati.

# Ikatan Yang Terlerai



**SDR. JAMES ANAK NGEMAN  
-(BEM Telong)**

Saya Robin anak Bato adalah penginjil IRM yang melayani di kawasan zon Miri-Limbang bersama dengan gereja BEM Telong. Saya telah menginjili seorang saudara di Kampung Telong yang bernama James ak Ngeman. Berikut adalah kesaksian peribadi saudara ini.

Sebelum mengenal Tuhan Yesus, saya merupakan seorang yang sangat ketagih dengan tabiat minum minuman keras seperti Air Langkau (local dry gin) dan air tuak (rice wine). Selain daripada itu, saya juga kaki perokok. Tabiat buruk ini merupakan amalan harian saya sejak berusia remaja. Pengaruh minuman keras dan rokok amat mencengkam

kehidupan saya. Ketagihan ini tidak mampu saya lepaskan dengan kekuatan diri saya sendiri walaupun sudah mencuba banyak kali. Selain daripada itu, saya juga terus berdegil dan menolak menjadi seorang Kristian walaupun orang selalu menceritakan tentang kasih Tuhan kepada saya.

Pada satu ketika hati saya digerakan untuk bersetuju menerima Tuhan Yesus sebagai Juruselamat dalam kehidupan saya. Namun begitu, tabiat lama saya yang ketagihan merokok dan minum keras masih menghantui dan sukar sekali untuk saya lepaskan. Puji Tuhan, selepas saya mengikuti

Kebaktian Gunung Doa Sio di Kampung Lio Mato, ulu Baram, ketagihan rokok dan minuman keras tiba-tiba hilang dari keinginan daging saya. Seolah-olah ada satu kuasa hidupan baru yang mengambil alih kehidupan saya. Saya percaya itu adalah kuasa Roh Kudus Tuhan yang hidup di dalam diri. Dialah yang berkuasa dan berjaya melepaskan saya dari ikatan ketagihan ini. Syukur dan mulialah nama Tuhan.

Semua lebihan rokok yang masih saya simpan telah saya serahkan kepada Pastor untuk dibakar. Minuman keras tidak lagi menjadi keinginan saya walaupun banyak kali dijemput oleh rakan-rakan

untuk minum. Perubahan ini menjadi kesaksian hidup saya kepada mereka bahawa hanya Tuhan Yesus sahaja yang mampu mengubah kehidupan lama saya.

Sekarang saya telah membuat keputusan untuk hidup melayani Tuhan di gereja Kampung saya, iaitu BEM Telong, Daerah Suai. Saya ingin digunakan oleh Tuhan menjadi saksi-Nya untuk memenangi jiwa yang masih dalam pengaruh kuasa kegelapan. Bagi Tuhan tiada yang mustahil.

Sekian, terima kasih dan Tuhan memberkati.

# PERTOBATAN MEMBAWA KESEMBUHAN



**SDR. AMBOK ANAK LUAT  
– (BEM Tatau Hilir)**

Saudara Ambok dan keluarga berasal dari kampong Separai Kuala Annau Tatau, Bintulu. Sebelum Ambok sekeluarga mengenal Tuhan, Ambok seorang yang berpegang kepada kepercayaan lama (Pagan), miring, selalu berjumpa dengan dukun dan bomoh. Dia juga seorang yang panas baran dan selalu bergaduh sesama ahli keluarga. Tiada kedamaian dan pengharapan dalam kehidupan

mereka sekeluarga. Selepas lawatan penginjil ke rumah panjang mereka di Rh. Lunsa Panto Sg. Lalang Tatau. Saudara Ambok tergerak hati mahu mengenal siapa Yesus Tuhan yang di sembah orang Kristian itu. Tergerak hatinya hasil daripada perkongsian firman Tuhan, dia dan seluruh keluarganya minta di doakan untuk menerima Tuhan Yesus sebagai juruselamat. Walaupun dia sudah menerima

Tuhan Yesus beberapa tahun yang lalu, hidup mereka belum berserah sepenuhnya kepada Tuhan. Ada beberapa perkara yang tidak dapat dibuang dalam kehidupan dia secara peribadi, iaitu minum minuman keras dan panas baran, perkara itulah yang masih menghalang dia untuk berserah penuh kepada Tuhan.

Pada tahun 2018 saudara Ambok selalu jatuh sakit di bahagian pinggang dan perutnya. Lebih setengah tahun beliau menahan sakit, sampai tidak dapat berjalan dan bangun. Beberapa bulan selepas itu, doktor mengesahkan ada batu karang di buah pinggang dan ada kuman di bahagian perut beliau. Pada masa itu, beliau mengambil keputusan minta di doakan kesembuhan dan

minta doa pertaubatan dari Tuhan sekali lagi. Pada bulan Januari 2019, beliau di bedah di Hospital Bintulu untuk membuang batu karang. Diatas doa rakan penginjil juga, kuman dalam badannya pun hilang. Sekarang ini dia menjalani hidupan baru yang penuh dengan sukacita serta melayani bersama dengan penginjil Pastor Addy di BEM Tatau Hilir.

Beliau selalu berkongsi Firman Tuhan di dalam kelompok sel, kebaktian hari Ahad dan selalu berkongsi kesaksian dengan orang lain. Kemuliaan hanya bagi Tuhan.

Sekian, terima kasih dan Tuhan memberkati.

# Selamanya Yesus

**SDR. DUIN ANAK TAWAN  
—(BEM Bintulu- Mukah)**



Saudara Duin sekeluarga berasal dari Rh. Clement Bayang Jalan Bintulu-Tatau. Sebelum menjadi orang Kristian, saudara ini mengalami banyak kesulitan hidup. Selalu tidak sihat walaupun sudah makan bermacam jenis ubatan diberi

oleh pakar perubatan. Keadaan ekonomi mereka sekeluarga sangat sukar. Di samping itu, dia juga berpegang teguh kepada kepercayaan lama (Pagan), adat dan pantang larang kaum Iban. Disebabkan banyak permasalahan hidup yang tidak mampu

diselesaikan dengan kekuatan dirinya. Dia menyerahkan kehidupannya kepada Yesus selepas mendengar perkongsian firman Tuhan. Walaupun masih sakit, dia tetap percaya bahawa Yesus mampu mengubah kesihatan dan masa depan hidupnya. Dia tidak putus-putus berdoa dan minta didoakan oleh rakan-rakan seiman. Terpujilah Tuhan sebab Tuhan memberi kesembuhan secara total kepada dia. Sekarang dia telah diguna untuk menjadi saksi Tuhan dengan memberitakan segala kebaikanNya kepada orang yang belum mengenal Tuhan.

Walaupun banyak halangan dan tentang hidup selepas menjadi Kristian, dia bertekad tidak akan kembali kepada cara kehidupan lamanya. Tuhan adalah setia. Dia tidak

akan membiarkan umat-Nya yang beriman kepada-Nya terus menerus hidup di dalam kesempitan. Puji Tuhan, ekonomi keluarganya dipulihkan. Apa yang paling menggembirakan hatinya ialah seandainya Tuhan memanggil dia (Meninggal dunia) kembali ke rumah Bapa, dia sudah bersedia. Puji dan syukur diatas kuasa dan kasih karunia-Nya dalam hidupannya.

Sekian, terima kasih dan Tuhan Yesus memberkati.

# Kuasa Doa



**PN. MARY ANAK CHUKONG  
– (BEM Rh. Bana Sebauh)**



Puan Mary berasal dari Rh. Patrik Andin, Sungai Serakit Sebauh, Bintulu. Sebelum Puan Mary mengenal Tuhan, dia sangat berpegang kuat kepada kepercayaan adat lama (Pagan). Puan Mary juga seorang yang sangat pemarah dan degil. Selepas ditinggalkan oleh suaminya pada suatu masa dulu, dia sangat kecewa dan putus harapan. Sering kali dia menyalahkan Tuhan sebab tidak berlaku adil dalam kehidupannya. Oleh itu, sangat susah untuk dia mempercayai bahawa Tuhan itu Kasih.

Pada tahun 2019, Puan Mary mengalami sakit buah pinggang, dimana kedua-dua buah pinggangnya rosak. Puan Mary merasa teramat sangat sakit. Di sebabkan dia tidak dapat menahan kesakitan itu lagi, Puan Mary memanggil orang Kristian di Rh Patrik dan terus memanggil Ps. John Sakai beserta isteri untuk mendoakan Puan Mary. Sebelum dia didoakan, Ps. John Sakai melayani dia dan memberi dia bimbingan terlebih dahulu. Ps. John bertanya kepada Puan Mary jika dia mahu sembuh dan mahu di doakan, serta

menyatakan bahawa Yesus menyembuhkan orang yang sakit. Pada masa itu, Puan Mary mengaku dia sudah menghina Tuhan dalam beberapa tahun yang lalu, Puan Mary menangis dan menyesal kerana sikapnya yang acuh tak acuh terhadap Tuhan dan dia terus bertaubat dan mulai hari itu, dia menerima Tuhan secara pribadi dalam kehidupannya.

Walaupun dia terpaksa menjalani pembedahan, dia percaya penyertaan tangan Tuhan dalam proses pembedahan itu. Puji Tuhan,

pembedahan berjalan dengan lancar. Melalui peristiwa ini, kehidupan dan sikap Puan Mary sekarang sudah diubah oleh Tuhan. Sekarang Puan Mary menjadi ahli jawatan kuasa dalam doa syafaat BEM Rh. Bana Sebauh. Walaupun Puan Mary masih belum sembuh sepenuhnya, tetapi dia mengatakan bahawa hidup dia dalam tangan Tuhan. Kemuliaan hanya bagi nama Tuhan Yesus.

Sekian, terima kasih dan Tuhan Yesus memberkati.

# **6 LANGKAH KEPADA KESELAMATAN:**

**1. PENGAKUAN** - "Karena semua orang telah berbuat dosa dan telah kehilangan kemuliaan Tuhan." (Roma 3:23).

"Tetapi pemungut cukai itu berdiri jauh-jauh, bahkan ia tidak berani menengadah ke langit, melainkan ia memukul diri dan berkata: Ya Tuhan, kasihanilah aku orang berdosa ini." (Lukas 18:13)

**2. BERTAUBAT** - "Tidak! kata-Ku kepadamu. Tetapi jika kamu tidak bertobat, kamu semua akan binasa atas cara demikian." (Lukas 13:3).

"Karena itu sadarlah dan bertobatlah, supaya dosamu dihapuskan," (Kisah Para Rasul 3:19)

**3. MENGAKU** - "Jika kita mengaku dosa kita, maka la adalah setia dan adil, sehingga la akan mengampuni segala dosa kita dan menyucikan kita dari segala kejahanatan." (1 Yohanes 1:9).

"Sebab jika kamu mengaku dengan mulutmu, bahwa Yesus adalah Tuhan, dan percaya dalam hatimu, bahwa Tuhan telah membangkitkan Dia dari antara orang mati, maka kamu akan diselamatkan." (Roma 10:9)

**4. MENINGGALKAN** - "mereka akan Kubawa ke gunung-Ku yang kudus dan akan Kuberi kesukaan di rumah doa-Ku. Aku akan berkenan kepada korban-korban bakaran dan korban-korban sembelihan mereka yang dipersembahkan di atas, sebab rumah-Ku akan disebut rumah doa bagi segala bangsa." (Yesaya 56:7)

**5. PERCAYA** - "Karena begitu besar kasih Tuhan akan dunia ini, sehingga la telah mengaruniakan Anak-Nya yang tunggal, supaya setiap orang yang percaya kepada-Nya tidak binasa, melainkan beroleh hidup yang kekal." (Yohanes 3:16).

"Siapa yang percaya dan dibaptis akan diselamatkan, tetapi siapa yang tidak percaya akan dihukum." (Markus 16:16)

**6. TERIMA** - "la datang kepada milik kepunyaan-Nya, tetapi orang-orang kepunyaan-Nya itu tidak menerima-Nya. Tetapi semua orang yang menerima-Nya diberi-Nya kuasa supaya menjadi anak-anak Tuhan, yaitu mereka yang percaya dalam nama Nya." (Yohanes 1:11-12)

## **MENGAPA TIDAK MEMBUAT KEPUTUSAN KEKAL ANDA SEKARANG:**

"Tuhan Yesus, saya percaya Engkau mati untuk dosa saya dan saya memohon pengampunan dari-Mu. Saya menerima Engkau sekarang sebagai Penyelamat saya dan mengundang Engkau untuk mengurus kehidupan pribadi saya mulai dari saat ini, Amin!



Baca dan Dengarkan Alkitab dalam bahasa anda sendiri. Muat turun Aplikasi Bible.is sekarang.

